

SULIT

3757/2

3757/2

Ekonomi Asas

Kertas 2

2 jam



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PELAJARAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A dan satu** soalan wajib di **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian A** dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam **Bahagian B.***
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

Bahagian A


[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.



Gambar 1

1 (a) Berdasarkan gambar1 di atas, terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh pihak tersebut. (6 markah)



Gambar 2

Lihat Sebelah

(b) Berdasarkan gambar 2 di sebelah nyatakan ciri barang tersebut.

(4 markah)

NEGARA A

Motif :-

- Pengguna – memaksimumkan kepuasan
- Pengeluar – memaksimumkan keuntungan
- Kerajaan – memaksimumkan kebajikan rakyat

(c) (i) Nyatakan sistem ekonomi yang diamalkan oleh Negara A

(1 markah)

(ii) Terangkan bagaimana negara tersebut menyelesaikan masalah asas ekonomi?

(8 markah)

(d) Berikut adalah maklumat mengenai Encik Zaki.

Encik Zaki seorang graduan ekonomi dari Universiti Malaya dan berasal dari Melaka. Beliau telah bekerja di Kuala Lumpur sebagai pengurus di sebuah syarikat dengan gaji RM 2500 selama enam bulan. Sekarang beliau telah bertukar kerja sebagai Penyelia pengeluaran di sebuah kilang di Bandar Melaka dengan gaji RM 2 000.

Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan Encik Zaki bertukar kerja

(6 markah)

2. (a) Jadual 1 menunjukkan jumlah permintaan kereta Myvi bagi bulan Jun dan Disember.

Bulan	Bilangan ('000 unit)
Jun	150
Disember	400

Jadual 1

Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan kereta Myvi seperti yang ditunjukkan dalam jadual.

(12 markah)

Lihat Sebelah

(b) (i) Apakah hukum permintaan? (2 markah)

(ii) Jadual 2 menunjukkan permintaan untuk barang W

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (Unit)
5	40
10	30
15	20
20	10

Jadual 2


Dengan menggunakan kertas graf, lukis keluk permintaan bagi barang W. (Gunakan skala 2cm: 1 unit pada paksi harga dan 2cm: 20 unit pada paksi kuantiti. Berdasarkan keluk tersebut, jelaskan hubungan antara harga dengan kuantiti diminta. (8 markah)

(c) Pada tahun 2007 kerajaan telah menurunkan harga VCD. Terangkan kesan kejatuhan harga VCD terhadap:

- (i) barang pengganti
- (ii) barang penggenap

(3 markah)

3. (a) Rajah 1 menunjukkan keluk penawaran bagi Syarikat Ceria Berhad.



Huraikan faktor yang menyebabkan keluk penawaran S_0S_0 beralih ke S_1S_1 . (10 markah)

Lihat Sebelah

- (b) Jadual 3 menunjukkan perbelanjaan Syarikat Temuria yang mengeluarkan 110 000 unit telefon mainan pada tahun 2007.

Butiran	RM
Faedah pinjaman bank	2 300
Bil Air dan elektrik	5 100
Upah pekerja	25 000
Sewa kilang	12 000
Pengangkutan	4 500
Bahan mentah	16 000

Jadual 3

Berdasarkan maklumat di atas, hitungkan



- (i) Kos tetap (2 markah)
(ii) Kos berubah (2 markah)
(iii) Kos purata (2 markah)
- (c) Huraikan jenis keanjalan harga penawaran. (9 markah)
4. (a) Terangkan ciri-ciri wang yang baik . (10 markah)
- (b) Fungsi utama Bank Pusat ialah mewujudkan kestabilan ekonomi sesebuah Negara
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan kestabilan ekonomi?
- (ii) Terangkan langkah-langkah Bank Pusat yang boleh diambil untuk mencapai kestabilan ekonomi? (15 markah)

Lihat Sebelah

5. (a) Gambar 3 dan 4 menunjukkan perubahan struktur ekonomi di Malaysia.



Gambar 3



Gambar 4

Berdasarkan maklumat di atas, terangkan mengapa struktur ekonomi negara perlu berubah? (9 markah)

Lihat Sebelah

(b) Berikut adalah maklumat mengenai perbelanjaan negara

Kerajaan memperuntukkan RM 15 billion untuk Pembangunan Luar Bandar bagi membasmi masalah kemiskinan.

Terangkan bagaimanakah kerajaan memperoleh hasil untuk tujuan di atas.

(8 markah)

(c) Jelaskan jenis-jenis pinjaman dari sumber dalam negeri.

(8 markah)

Lihat Sebelah

Bahagian B

Soalan ini *wajib* dijawab

Jawab soalan-soalan berdasarkan kes yang diberi

Ketika Asia dilanda krisis ekonomi yang meruncing pada tahun 1988, sejenis beras segera telah dicipta oleh anak tempatan. Keprihatinan beliau ini ekoran daripada kebimbangan terhadap kekurangan tanah untuk bercucuk tanam atau harga barang pertanian akan melambung. Beras gentian yang dikenali sebagai BVita Asas merupakan makanan berasaskan isi ikan, ayam, jagung dan sayur-sayuran ini boleh siap dimasak dalam masa 5 minit sahaja. Walaupun kos sebuah mesin tinggi, beras ini boleh dihasilkan segera iaitu dalam tempoh hanya satu jam sebuah mesin mampu menghasilkan sebanyak 250 kg.

Sehubungan itu, persatuan pengguna perlu menjalankan kempen untuk menasihati pengguna bagi menggantikan pengambilan beras dengan beras gentian. Untuk menjayakan kempen tersebut, pihak persatuan mendesak campur tangan kerajaan untuk menggalakkan rakyat menggunakan beras gentian dengan mengawal import beras daripada negara jiran.

Bagi tempoh jangka panjang, kerajaan perlu mengambil langkah untuk memajukan lagi pengeluaran beras berkhasiat ini. Antaranya melalui penyediaan kemudahan infrastruktur serta bantuan agar mutu beras gentian BVita Asas dapat dipertingkatkan serta dapat di pasarkan ke serata dunia.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Mengapakah pengguna tidak boleh bergantung kepada beras sebagai sumber protein berbanding beras gentian. (6 markah)
- (b) Pada pendapat anda, berjayakah kempen yang dijalankan oleh persatuan pengguna itu. Beri tiga alasan. (4 markah)
- (c) Wajarkah tindakan persatuan pengguna mendesak kerajaan mengawal import beras? (5 markah)
- (d) Bagaimanakah kerajaan dapat memaju dan melindungi industri pengeluaran beras gentian tempatan. (10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT